

# Ekonomi digital antara fokus Bajet 2018

**KUALA LUMPUR 25 Julai** - Ekonomi digital menjadi satu daripada fokus utama Bajet 2018 yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak Oktober ini.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Siregar Abdullah berkata, ini kerana kerajaan komited memastikan sasaran sumbangan ekonomi digital kepada ekonomi negara sebanyak 18.4 peratus menjelang 2020 tercapai.

Katanya, sumbangan ekonomi digital pada tahun lalu berada pada tahap membanggakan iaitu sebanyak 17.8 peratus dan jika tumpuan khusus diberikan kepada pembangunan syarikat teknologi digital, angka itu boleh melepasi sasaran

yang ditetapkan.

“Kita bergerak dengan sangat pantas dalam era ekonomi digital. Saya yakin dengan segala inisiatif dijalankan, sumbangan ekonomi digital mampu melepasi tahap 20 peratus,” katanya kepada pemberita selepas majlis prapelan-caran Misi Teknologi Mega United Kingdom-Malaysia 2017 di sini hari ini.

Yang turut hadir Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Vicki Treadell dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Ekonomi Digital

Malaysia (MDEC), Datuk Yasmin Mahmood.

Misi Teknologi Mega UK-Malaysia 2017 yang diadakan dari 9 hingga 11 Oktober depan bakal dihadiri kira-kira 50 delegasi syarikat teknologi Britain.

Treadell berkata, program tersebut yang diadakan hasil usahasama MDEC, Jabatan Perdagangan Antarabangsa (DIT) UK dan SME Corp., memberi peluang kepada syarikat-syarikat teknologi dan permulaan di Malaysia untuk berhubung dengan syarikat dari UK.



**MOHD. IRWAN**

UTUSAN 26/7